



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

04 DISEMBER 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

04 DISEMBER 2021 (SABTU)

12 item masuk dalam harga kawalan SHMKM

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) meletakkan 12 barangan di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dalam usaha menstabilkan harga barangan keperluan selain memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, SHMKM akan berkuat kuasa pada 7 hingga 31 Disember ini melibatkan kawalan harga ke atas 12 item ditetapkan sebagai tindakan serius kerajaan menangani kenaikan harga barang.

"Item itu adalah ayam hidup, ayam standard (disembelih

dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya) dan ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal).

"Selain itu telur ayam gred A (berat antara 65 gram hingga 69.9 gram sebijil), telur ayam gred B (berat antara 60 gram hingga 64.9 gram sebijil) dan telur ayam gred C (berat antara 55 gram hingga 59.9 gram sebijil)," katanya semalam.

Tambahnya, barangan lain melibatkan sayur-sayuran ialah kacang panjang, cili merah, tomat, sawi hijau, kobis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing) dan timun.



AYAM mentah antara 12 barangan makanan yang diletakkan di bawah harga kawalan SHMKM bermula 7 Disember ini.

SPIRALLING COST OF DAILY ESSENTIALS

Price control scheme to take effect from Dec 7

KUALA LUMPUR: In a move to address the spiralling cost of daily essentials, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) will implement the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme (SHMKM) between Dec 7 and 31.

Its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the scheme was part of the government's effort to stabilise the price of essential goods while ensuring the availability of supply in the market.

He said the scheme would see price control being imposed on 12 daily essentials such as chickens, eggs and vegetables.

The items included in the SHMKM are:

- Live chicken; dressed chick-



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

en (slaughtered and cleaned with feet, head, heart and liver or any parts); whole dressed chicken

(slaughtered and cleaned without its head, feet, heart and liver); and

- Grade A eggs (weighing between 65.0 and 69.9g per egg); Grade B eggs (weighing between 60.0 and 64.9g per egg) and Grade C eggs (weighing between 55.0 and 59.9g per egg);

The vegetables included under the SHMKM price control scheme are long beans, red chilli, tomato, sawi hijau, imported round cabbage (Indonesia and China, excluding Beijing) and cucumber.

Nanta Linggi is hopeful that the SHMKM execution will go smoothly and that it would help to stabilise the current price of perishables in the market.

"The price for the goods involved under this scheme will be

announced soon. The maximum price of chickens and eggs will be announced at the farm, wholesale and retail levels.

"While the controlled price for vegetables will be determined at the wholesale and retail levels," he said in a statement, yesterday.

He said the ministry would continue reviewing the items listed under the scheme, and some items will be added or dropped based on its ongoing assessments.

"All parties, throughout the supply chain, from manufacturer to wholesalers, distributors and sellers are advised and warned of stern action if they failed to comply with the scheme, as well as for other consumers' necessities," he said.

Ministry working to stabilise food prices

PETALING JAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will implement the "Keluarga Malaysia Maximum Price Scheme" to stabilise the price of essential goods and ensure the availability of supply in the market, following reports of price hikes in consumer goods.

Its Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said this scheme

would take effect from Dec 7 to the end of the month.

He said it would involve price controls on live chicken, standard chicken, super chicken, eggs grade A, B and C, long beans, red chilli, tomatoes, choy sum, imported round cabbage from Indonesia and China (except Beijing), and cucumber.

"It is hoped these measures can

help stabilise the prices in the market. The announcement of the pricing of these items will be made in the near future in which the pricing for chicken and eggs will be carried out at the farm, wholesale and retail levels.

"For vegetables, the price controls will be set at the wholesale and retail levels," Nanta said in a statement yesterday.

Nanta added that items on the list will be continuously reviewed and added or dropped based on the market situation.

"All parties throughout the entire supply chain from the manufacturers, wholesalers, distributors, and sellers are advised and warned that stern action will be taken against them for failure to adhere to this scheme," he said.

RM6 juta bangunkan program francais

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR – Dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya daripada golongan B40 dan M40 menceburi perniagaan francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memperuntukkan sejumlah RM6 juta bagi pelaksanaan Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik tahun ini.

Menerusi program tersebut, KPDNHEP buat julung kalinya mewujudkan inisiatif pemberian Geran Penuh dan Geran Padanan bertujuan memperluaskan perniagaan francais berskala kecil dalam negara seterusnya mewujudkan peluang perniagaan untuk rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, menerusi pemberian Geran Penuh, Kementerian berhasrat pihak francaisor dapat membangunkan lebih banyak pakej permulaan perniagaan francais mampu milik bernilai RM100,000 ke bawah dan pakej francais mikro bernilai RM50,000 ke bawah.

Jelasnya, geran tersebut merangkumi RM20,000 bagi kajian pasaran, dengan jumlah terkumpul tidak lebih RM100,000



ALEXANDER (depan, dua dari kanan) bergambar bersama penerima Geran Penuh dan Geran Padanan di Menara SSM kelmarin.

bagi membangunkan pakej berkenaan.

"KPDNHEP telah memperuntukkan RM2 juta bagi Geran Penuh dan menyasarkan sebanyak lapan pakej Francais Mampu Milik dan Francais Mikro dapat dibangunkan pada tahun ini.

"Sementara Geran Padanan pula bertujuan mengurangkan kos permulaan perniagaan yang perlu ditanggung bakal francais B40 dan M40, dengan kadar pembiayaan sehingga nisbah 9:1

buat francais berpotensi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Geran Penuh dan Geran Padanan di bawah Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik di Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di sini kelmarin.

Hadir sama Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Radzali Hassan dan Pengarah

Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung KPDNHEP, Mohd. Farid Yahya.

Pada majlis tersebut, seramai lapan francaisor menerima Geran Penuh bernilai RM840,000, manakala 29 peserta program francais menerima Geran Padanan dengan nilai sebanyak RM2,116,116 setelah melalui saringan KPDNHEP, MFA dan Permodalan Nasional Berhad.

Menurut Alexander, inisiatif geran tersebut diumumkan

pada 6 April lalu di portal rasmi KPDNHEP serta pelbagai saluran media sosial dan sehingga 1 Ogos, pihaknya telah menerima sejumlah 140 permohonan, yang terdiri daripada 14 permohonan untuk Geran Penuh dan 126 bagi Geran Padanan bernilai lebih RM20 juta.

Tambahnya, sokongan berterusan oleh semua pihak yang berminat akan menjadi penentu kepada kelangsungan inisiatif berkenaan dan menjadi asas pertimbangan kepada kerajaan untuk meluluskan penambahan peruntukan pelaksanaannya pada masa depan.

"Dalam suasana pandemik, industri francais domestik terus memperlihatkan pertumbuhan pesat dengan nilai jualan syarikat-syarikat francais di negara ini bagi tahun kewangan 2020 adalah berjumlah RM14.6 bilion, berdasarkan data yang dikumpulkan setakat November 2021.

"Peningkatan hampir 10 peratus berbanding RM13 bilion yang dicapai dalam tahun kewangan sebelumnya.

"Kementerian berharap pihak industri dan francaisor akan terus memberi sokongan kepada pelaksanaan inisiatif ini bagi terus merencanakan pertumbuhan sektor ini pasca Covid-19," ujarnya.

Lotus's Malaysia sokong PKS

Menerusi pelaksanaan KBBM di kesemua 62 stor pasarannya di seluruh negara

Oleh MUHAMMAD AMNAN

KUALA LUMPUR

Lotus Stores Malaysia Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) terus memberikan sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menerusi pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) di kesemua 62 stor pasarannya di seluruh negara.

Pengarah Eksekutif Khidmat Korporat Lotus's Malaysia, Azliza Baizura Azmel berkata, kempen yang dilaksanakan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyediakan pasaran lebih meluas kepada PKS-PKS terlibat.

Beliau berkata, KBBM pada tahun ini juga penting kerana ia memberikan tumpuan kepada PKS yang ketika ini sedang dalam proses membina semula perniagaan mereka selepas terkesan ekoran pandemik Covid-19.

"Sebagai peruncit, kami mempunyai keyakinan terhadap keupayaan dan kualiti dimiliki PKS tempatan. Sebagai contoh, sebanyak 90 peratus daripada lebih 3,000 barangan jenama Lotus's diperoleh dan dikilangkan oleh syarikat PKS tempatan.

"Sebagai rangkaian peruncitan terkemuka di dalam negara, Lotus's memahami tanggungjawab kami untuk memastikan PKS tempatan yang merupakan tonggak penting pertumbuhan ekonomi dapat berkembang maju dan berdaya bertahan.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia di Lotus's Ampang, di sini, pada Khamis.

Hadir menyempurnakan program tersebut ialah Ketua Setiausaha



Hasnol (tengah) ketika menyempurnakan program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia bersama Azliza (kanan) di Lotus's Ampang, Kuala Lumpur pada Khamis.

KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Dalam pada itu, Azliza berkata, penyertaan kesemua PKS tempatan pada kempen kali ini yang bermula pada Ogos lalu itu, turut melibatkan pemasaran sebanyak 800 unit simpanan stok (SKU) di kesemua pasaraya tersebut.

Beliau pada masa sama turut melahirkan penghargaan kepada PKS tempatan yang sentiasa aktif memberikan pandangan dan juga menerima idea baharu dalam memastikan mereka boleh terus bersaing dengan produk lain yang berada dalam pasaran.

Sementara itu, turut berlangsung pada majlis tersebut adalah pameran Produk Citarasa Keluarga Malaysia melibatkan 16 PKS tempatan dengan 10 daripadanya adalah pembekal sedia ada Lotus's yang juga dahulunya dikenali sebagai Tesco Malaysia manakala enam daripadanya merupakan pembekal berpotensi dicalonkan KPDNHEP.

Menurut Azliza, pameran yang akan berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 5 Disember 2021 itu bukan sahaja memberikan ruang untuk PKS terlibat bagi membuat jualan tetapi

juga mempromosikan produk masing-masing.

Acara tersebut juga menyaksikan pernyawaan Sijil Pelantikan Pembekal kepada 17 IKS dan PKS baharu Lotus's Malaysia dan Anugerah Pembekal IKS dan PKS Terbaik terhadap 10 PKS di bawah syarikat tersebut.

Antara pembekal PKS terbaharu yang dilantik ialah Al Quds Livestock Sdn Bhd, Anramin Industry (M) Sdn Bhd, ASA Palm Milk, Che Nor Food Solution Sdn Bhd, CN Loyal Sdn Bhd, DNS Kacang Putih Sdn Bhd dan Eatalian Express Food Industries Sdn Bhd.

Sementara itu, pembekal yang menerima Anugerah Pembekal Terbaik Lotus's Malaysia antaranya ialah Jalen Distributors Sdn Bhd, Bestari Sales & Marketing Sdn Bhd, Al Meswak Mu Min Sdn Bhd, Halagel (M) Sdn Bhd dan Afy Haniff Bena & Bekal.

"SH: Cari pembekal PKS tempatan berpotensi

Mengulas lanjut, Azliza berkata, selaras membantu perkembangan PKS, Pasukan Sokongan PKS Lotus's sentiasa mencari pembekal yang berpotensi melalui kerjasama rapat dengan agensi

lain khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kerjasama sedemikian telah membantu syarikat PKS seperti Al Quds Livestock Sdn Bhd (Al Quds) untuk menjadi pembekal tunggal daging segar tempatan untuk Lotus's Malaysia.

"Sehingga kini, Al Quds membekalkan 12 SKU kepada 20 pasaraya kami, dengan potensi untuk terus berkembang kepada 50 lagi kedai pada masa hadapan," ujarnya.

Azliza berkata, Lotus's juga telah memulakan program yang memudahkan kepada kedai runcit yang diusahakan oleh syarikat perniagaan tempatan berskala kecil dengan barangan pukal pada harga yang sangat kompetitif.

Katanya, sehingga kini, hampir 900 kedai runcit telah melanggan kemudahan tersebut dan pihaknya merancang untuk meluaskan lagi jangkauan inisiatif berkenaan dalam masa terdekat.

Pada masa sama, Azliza turut memaklumkan bahawa hampir 60 peratus daripada penyewa di pasaraya adalah syarikat perniagaan Bumiputera.

Dalam pada itu, Azliza berkata, Lotus's Malaysia dijangka membuka dua pasaraya baharu yang terletak di Pulau Hartamas, Ipoh, Perak dan Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani, Kedah pada Januari tahun hadapan.

Sementara itu, Hasnol berkata, Lotus's Malaysia dilihat sentiasa aktif dalam merancang serta melaksanakan inisiatif bagi menyokong pelan kerajaan dalam meningkatkan jualan sektor peruncitan termasuk menerusi inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia.

Sehubungan itu, beliau berharap agar lebih ramai lagi usahawan tempatan yang terlibat sebagai pembekal kepada pasaraya Lotus's Malaysia.

"Usaha ini bukan hanya sekadar diharap dapat membuka berpotensi peluang dan ruang, malah ia juga diharap dapat membimbing pembekal dan usahawan tempatan untuk terus berjaya dalam mengembangkan pasaran sekaligus dapat mencapai nilai jualan tertinggi," ujarnya.



Hasnol (kiri) ketika menyampaikan sijil kepada syarikat PKS yang terpilih sebagai pembekal Lotus's Malaysia sambil disaksikan Azliza ketika program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia di Lotus's Ampang, Kuala Lumpur, pada Khamis.



Azliza ketika berucap pada program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia di Lotus's Ampang, Kuala Lumpur pada Khamis.



2 SUPPORT FOR BUSINESSES
Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (centre) and Lotus's Malaysia corporate services executive director Azliza Azmel (right) launching the retailer's 'Buy Malaysia Product' campaign recently.



JUALAN MURAH SELURUH NEGARA BERMULA

PROGRAM Jualan Keluarga Malaysia di semua 222 kawasan Parlimen bermula hari ini sebagai antara usaha kerajaan meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang ketika ini.

Inisiatif yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan syarikat swasta itu menawarkan barangan keperluan harian sehingga 50 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Antara barangan keperluan asas yang ditawarkan ialah telur ayam, ikan segar, cili merah, bawang besar, sardin dan susu pekat manis.

9

Harga barang serendah 50 peratus

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan serentak di 222 kawasan Parlimen bermula hari ini

Oleh RAJA NUR FAZTIE AIDA

SHAH ALAM

Program Jualan Keluarga Malaysia yang diadakan serentak pada Sabtu membolehkan 222 kawasan Parlimen di seluruh negara menawarkan harga barang keperluan harian antara 20 hingga 50 peratus lebih murah, berbanding tempat lain.

Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran



Barangan segar ikan antara yang dijual dalam Program Jualan Keluarga Malaysia.

Perniagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Shamsuzaman Sulaiman berkata, ia bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat khususnya

golongan B40 dan M40.

Tambah beliau, ia juga secara tidak langsung membantu mengatasi isu kenaikan harga barangan secara mendadak sejak akhir-akhir ini.

"Seperti kita sedia maklum,

kenaikan harga barang sekarang ini adalah disebabkan fenomena global di mana kenaikan berlaku apabila kita dalam keadaan pandemik.

"Jadi apa yang dipersetujui kerajaan, kita buat jualan ini. Sasaran kita di 222 kawasan Parlimen dalam tempoh tiga bulan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut beliau berkata, antara pihak yang terlibat secara langsung dengan program Jualan Keluarga Malaysia itu adalah KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi swasta.

Menariknya mengenai program tersebut, Shamsuzaman berkata, kerajaan tidak akan mengenakan subsidi ke atas jualan.



SHAMSUZAMAN

"Maksudnya kerajaan akan membawa terus barangan dari ladang. Kemudian peruncit akan menjual berdasarkan harga dari ladang," ujarnya.

Beliau bagaimanapun berharap agar lebih ramai pihak terlibat untuk memberikan tawaran istimewa itu kerana memahami masalah yang dihadapi rakyat ketika ini.

"Inilah masanya kita memberikan pengorbanan dari segi sumbangan dan penglibatan untuk meringankan beban rakyat," katanya.

Antara barangan yang ditawarkan pada program berkenaan ialah telur ayam, ikan segar, cili merah, bawang besar, sardin dan susu pekat manis.

Program Jualan Keluarga Malaysia di Pasir Mas

KOTA BHARU – Program Jualan Keluarga Malaysia yang dilaksanakan di seluruh negara akan diadakan di Kelantan pada 4 Disember di Lubok Jong, Pasir Mas.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, ia merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu menangani isu kenaikan harga barang dan bagi mengurangkan kos sara hidup serta beban rakyat.

“Untuk Kelantan, program akan diadakan pada 4 Disember iaitu hari Sabtu bermula dari jam 8 pagi hingga jam 1 tengah hari bertempat di tapak letak kereta, berhadapan Pantai Timor Mart, Bandar Baru Lubok Jong, Pasir Mas.

“Barangan keperluan asas dijual antara 15 dan 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, program tersebut merupakan kerjasama antara KPDNHEP, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga

Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan mengadakan jualan barangan keperluan, hasil pertanian serta hasil laut dengan harga lebih rendah daripada pasaran.

Beliau berkata, selain itu, turut serta dalam penjualan barangan murah ini ialah syarikat pemborong dan pengedar terpilih dengan menjual barangan keperluan asas dan barangan dapur.

“Antara barang dijual ialah ayam proses, telur, ikan segar beku iaitu kembung, selayang, selar manakala kategori sayuran pula seperti lobak, cili merah, cili kering, halia, bawang besar, bawang kecil, tomato dan sayur berdaun.

“Selain itu barangan proses lain iaitu susu pekat manis, sardin, kicap, sos cili, sos tomato, milo, ikan bilis, minyak masak pek 1 kilogram bersubsidi, gula, tepung gandum bersubsidi dan beras lima dan 10 kilogram.

“KPDNHEP Kelantan berharap, program dimanfaatkan sepenuhnya untuk menangani kos sara hidup dan bebanan dalam musim bencana sekarang ini,” katanya.

Minyak masak paket di Perak cukup

IPOH - Bekalan minyak masak bersubsidi di Perak mencukupi setakat ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, hasil pemeriksaan mendapati tiada berlaku gangguan bekalan minyak masak di peringkat pengedaran mahupun pengedaran di negeri itu.

Menurutnya, Perak telah diperuntukkan kuota sebanyak 3,452 tan kepada 25 syarikat pembungkus minyak masak di beberapa daerah untuk membungkus minyak masak 1 kilogram setiap bulan.

“Kami ambil maklum isu kenaikan harga barang keperluan ketika ini dan atas faktor itu, KPDNHEP Perak meningkatkan pemeriksaan bekalan bagi memastikan bekalan mencukupi,” katanya dalam satu kenyataan selepas mengadakan pemeriksaan ke atas syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit minyak masak di sekitar Taiping pada Khamis.

Beliau berkata, isu kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi sering dibangkitkan dan antara faktor berlakunya perkara itu disebabkan pembelian secara pukal dilakukan peniaga atau pengusaha makanan.



KPDNHEP Perak meningkatkan pemeriksaan dan pemantauan terhadap rantalan bekalan minyak masak bagi memastikan bekalan cukup di pasaran untuk kegunaan pengguna domestik.

35 peniaga sayur diberi notis

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 35 notis kepada peniaga sayur kerana menjual pada harga lebih tinggi.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, notis itu dikeluarkan kepada 21 peruncit, 11 pemborong dan tiga pekebun atau peladang susulan pemeriksaan sejak 20 November lalu hingga kelmarin.

Katanya, notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 itu dikeluar-

kan khusus bagi jualan tomato, lobak, kubis bulat dan cili merah.

"Pemeriksaan kali ini menasarkankan peniaga sayur di peringkat pemborong dan pengeluar atau pekebun sayur di sekitar Taman Ungku Tun Aminah dan Ulu Tiram di sini berikutan aduan menyatakan kenaikan harga sayur antara 50 hingga 100 peratus.

"Sejak Januari hingga kini, 83 notis dikeluarkan kepada peniaga sayur bagi siasatan untuk mengesan sekiranya wujud elemen pencatutan," katanya, semalam.

Senarai Harga Barang Keperluan		Telur Gred A		Gula Pasir		Cili Merah	
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.30	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM7.99	• Bawang Besar Holland	RM2.50	• Kubis Tempatan	RM4.99
• Daging Lembu Import	RM15.50	• Minyak Masak	RM6.40	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandung	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP